

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1994/95

April 1995

HLA 101/NSK 003 Pengantar Seni Teater

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DI DALAM SATU [1] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan.  
Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Beri definisi 'drama' dan 'teater'. Bincangkan bagaimana satu daripada persembahan yang anda telah tonton (di dalam video atau di pentas) menyamai kedua-dua definisi tersebut.
2. Bincangkan perbezaan dan persamaan antara 'teater tradisional', 'teater moden' dan 'teater eksperimental' dari sudut pengurusan, kumpulan, naungan, pementasan dan fungsi persembahan.
3. [a] Jelaskan konsep 'imej visual' dan kepentingannya kepada pengarah, pelakon, pereka set, kostium dan tatacahaya.  
[b] Huraikan prinsip-prinsip artistik yang perlu dipertikaikan oleh pengarah dalam proses mengarah pelakon dan oleh pereka kostium set dan tatacahaya di dalam menyediakan rekaan masing-masing.
4. [a] Bandingkan struktur plot drama realistik Atap Genting Atap Rembia dengan plot drama bukan-realistik Bukan Bunuh Diri. Jelaskan fungsi struktur masing-masing.  
[b] Bincangkan perwatakan dan kegunaan bahasa di dalam kedua-dua drama tersebut.
5. Pilih salah seorang dramatis eksperimental dari Malaysia dan bincangkan karyanya daripada aspek kritikan sosial.